

Penggunaan Pendekatan Teori Sistemik dalam Proses Kaunseling Keluarga: Implikasi Pendidikan dan Latihan Kaunselor Malaysia.

Application of Systemic Theory in Family Counseling Process: Implication of Education and Training for Malaysia Counselors

Norhayati Bt. Mohd. Noor

Department of Education and Wellbeing Community, Faculty of Education, University
Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor, Malaysia
Tel: +6012 - 4141887 E-mail: norhayati@ukm.edu.my

Akbariah Mahdzir

Malaysia Jepun Institute Technology
Universiti Teknologi Malaysia, 54100 Kuala Lumpur
Tel: +6013 - 3944934 E-mail: akbariah.kl@utm.edu.my

Abstrak

Kajian ini bertujuan meneroka penggunaan pendekatan sistemik dalam amalan kaunseling keluarga oleh kaunselor di pelbagai 'setting' pusat kaunseling komuniti di Malaysia. Kajian ini dijalankan dengan 12 kaunselor dari Pusat Kaunseling Majlis Agama Negeri Sembilan, Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara melalui kaedah tembual mendalam. Analisis data dilakukan secara tematik dengan menggunakan perisian Nvivo 11. Hasil kajian menunjukkan bahawa semua kaunselor menggunakan pendekatan sistem/sistemik dalam mengendalikan kes keluarga. Pendekatan terapi sistemik yang menjadi pilihan pengamal kaunseling adalah Pelbagaigenerasi, Struktural, Strategik, dan Brief. Faktor penggunaan, pemilihan dan amalan pendekatan sistemik dalam kalangan kaunselor dibincangkan di dalam artikel ini.

Kata kunci: Proses Kaunseling Keluarga; Pendekatan Sistemik; Kaunselor Keluarga; Latihan Kaunselor

Abstract

The study aims to explore the use of systemic approaches in the practice of family counseling

by counselors at various community 'setting' counseling centers in Malaysia. The study was conducted with 12 counselors from the Negeri Sembilan Religious Council Counseling Center, the Social Welfare Department, and the National Population and Family Development Board. Data was analyzed thematically by using Nvivo 11. Results show that all counselors used the system/systemic approach in handling family cases. The preferred systemic approaches of the counseling practitioners are the Multigenerational, Structural, Strategic, and Brief therapies. The factors underlining the use, selection and practice of systemic approach among counselors are discussed in this article.

Keyword : Family Counseling Process; Systemic Approach, Family Counselor; Counselor Training

Pengenalan

Penggunaan pendekatan atau teori di dalam proses kaunseling adalah amat penting kepada kaunselor dalam memastikan proses kaunseling berkesan. Penggunaan teori dapat membantu kaunselor mengenalpasti nilai kefungsi dan intervensi yang diperlukan, serta melaporkan apa yang berlaku (Bitter & Byrd, 2016; May 2003). Dalam proses kaunseling, pendekatan sistemik memberi fokus kepada sistem dalam

keluarga itu sendiri. Pendekatan sistemik dapat digunakan secara relatif berdasarkan kesesuaian faktor dan jenis kes tertentu (Etgar & Shulstain-Elrom, 2009). Oleh itu pendekatan sistemik adalah satu kerangka yang lebih bersifat menyeluruh dan berupaya membantu pemahaman terhadap interaksi (Lily Mastura & Ramlan 2006).

Selain itu kepentingan penggunaan pendekatan teori turut dikaitkan dengan keberkesanan sesi kaunseling keluarga. Kathleen May (2003), mengatakan bahawa teori dan teknik merupakan jalan yang menentukan koheren kaunseling keluarga yang dikendalikan oleh kaunselor. Menurut beliau lagi, teori atau model serta teknik yang digunakan dalam amalan kaunseling keluarga perlu jelas, tepat dan difahami oleh pengamalannya. Penggunaan teori dan teknik yang tepat dengan masalah yang dibawa oleh keluarga adalah penting supaya intervensi yang dirancang berkesan untuk keluarga.

Penggunaan Pendekatan Sistemik Dalam Kaunseling Keluarga.

Pendekatan sistemik adalah berasaskan kepada teori sistem hasil idea pemikiran dan kerja-kerja ahli sains fizik, biologi, matematik dan jurutera di sekitar tahun 1940 an dan 1950 an. Pendekatan ini telah juga dikenali sebagai pendekatan sistemik yang turut mendasari semua teori sistem yang ada seperti pendekatan struktural Minuchin, pendekatan Milan, pendekatan strategik Haley, dan pendekatan *Brief Solution Focus* (Cottrell & Boston 2002). Keberkesanan pendekatan teori sistem ini telah dikemukakan oleh Alan Carr berdasarkan kajian beliau yang telah dijalankan selama lapan tahun ke atas keberkesanan kaunseling keluarga menggunakan pendekatan ini (Carr 2009a; 2009b). Hasil kajian yang dijalankan oleh beliau itu menunjukkan pendekatan sistemik boleh membantu menangani kanak-kanak yang mempunyai masalah tidur, penyusuan, atau perhubungan, atau kanak-kanak yang didera secara fizikal, emosi, dan kognitif.

Pendekatan Teori Struktural diasaskan oleh Salvador Minuchin (Goldenberd & Goldenberg 2012). Teori ini banyak digunakan di dalam kajian kaunseling keluarga di Asia. Teori Minuchin melibatkan terapi keluarga yang mempunyai terminologi yang unik dan dapat menggambarkan kunci utama yang memfokuskan kepada struktur dengan menggambarkan bahawa keluarga yang sihat adalah keluarga yang mempunyai struktur yang semulajadi. Struktur keluarga yang telah dibentuk dapat menstabilkan semula sempadan emosi (*emotional boundaries*) bagi mewujudkan hubungan yang rapat di antara ahli keluarga (Feist 1995). Terdapat beberapa konsep yang telah diutarakan dalam teori ini seperti struktur keluarga, kebolehan, sempadan, subsistem, hierarki, ikatan kerjasama (*alliances*), persepakatan (*coalitions*) dan struktur tiga segi (*tringles*). Oleh yang demikian ramai pengkaji telah menggunakan pendekatan ini dalam kajian yang mereka jalankan sama ada dalam bentuk kajian kes, konseptual atau kuantitatif selari dengan budaya keluarga Asia. Pendekatan ini kelihatan mudah difahami dan mempunyai kaitan rapat dengan nilai, budaya dan agama di kebanyakan negara di dunia.

Pendekatan Teori Pelbagaigenerasi Bowen yang diasaskan oleh Murray Bowen pada tahun 1940 mengatakan bahawa kehidupan manusia pada dasarnya dipandu oleh dua kuasa yang saling mengimbangi (*counterbalancing life forces*) iaitu, '*individuality*' dan '*togetherness*'. Konsep-konsep di dalam pendekatan ini menggambarkan bahawa ahli di dalam keluarga memerlukan sahabat, kasih sayang dan kebebasan. Sesuatu yang menjadikan kehidupan sebuah keluarga menarik atau sebaliknya adalah bergantung kepada kecenderungan ahli untuk memenuhi keperluan di antara satu sama lain dan juga bagaimana ahli belajar mengawal emosi dan mengurangkan kebimbangan dalam dirinya. Teknik genogram juga digunakan dan adalah merupakan salah satu teknik dalam pendekatan ini yang paling digemari oleh kaunselor dan pakar terapi (Goldenberd & Goldenberg 2012).

Teori pendekatan Strategik pula melihat bahawa keluarga bermasalah akibat dari kelemahan dan kesilapan proses komunikasi di dalam keluarga. Pendekatan ini melihat konflik yang selalu melanda keluarga adalah disebabkan corak komunikasi yang tidak betul. Komunikasi keluarga yang sihat dapat berinteraksi dengan berkesan. Matlamat pendekatan Strategik adalah menstrukturkan semula keluarga agar tingkahlaku interaksi keluarga membawa perubahan kepada tingkahlaku yang positif. Kajian di dalam pendekatan ini banyak dikaitkan dengan pendekatan Struktural Minuchin (Goldenberd & Goldenberg 2012). Di Malaysia, Saedah A. Ghani (2004) telah menggunakan pendekatan ini dalam kajian intervensi kaunseling keluarga. Kajian beliau menunjukkan bahawa pendekatan strategik yang digunakan sebagai pendekatan dalam kaunseling dapat membantu menangani permasalahan tingkahlaku delinkuen dalam kalangan anak remaja.

Model ini seterusnya dikembangkan menjadi Brief Terapi Keluarga MRI (MRI Brief Family Therapy), iaitu model terapi yang lebih ringkas atau pendek dan agak intensif. Jumlah sesi yang tidak lebih dari 10 sesi berbanding dengan model MRI (Mental Research Institute) yang asal. Kaunselor keluarga yang menggunakan model ini percaya bahawa masalah dalam keluarga akan dapat diselesaikan jika dapat menyingkirkan satu set masalah yang dihadapi oleh klien melalui perancangan dan teknik yang teliti. Maka kaunselor perlu menganalisis masalah bukan hanya seorang dari keluarga tetapi lebih dari seorang dari segi hierarki, kesepakatan (coalitions) dan interaksi yang kompleks.

Teori atau pendekatan yang wujud dalam kaunseling keluarga adalah luas. Kajian lepas secara konseptual dan empirikal telah mengemukakan bahawa pendekatan dan penggunaan pendekatan sistemik di dalam proses kaunseling keluarga berkaitan dengan keberkesanan proses kaunseling keluarga. Pendekatan sistemik yang mendasari pendekatan Struktural, Strategik, Pelbagaigenerasi dan Brief

telah terbukti dapat membantu pelbagai isu keluarga yang amat luas dan kompleks yang dihadapi oleh keluarga.

Metodologi

Kajian pendekatan kualitatif ini menggunakan rekabentuk kajian kes bagi meneroka penggunaan pendekatan sistemik di kalangan kaunselor dalam melaksanakan proses kaunseling keluarga. Dalam kajian ini data kajian dikumpul menggunakan kaedah temu bual mendalam secara bersemuka. Temubual yang dirakam menggunakan MP3 dan dijalankan dalam tiga pusingan, setiap pusingan mengambil masa antara 45 minit hingga satu jam. Data temubual ditranskrip kepada penulisan verbatim setiap kali selepas temubual selesai bagi membolehkan pengkaji mengenalpasti soalan yang masih tidak dijawab oleh peserta kajian dan akan disoal semula semasa sesi temubual pusingan yang kedua serta pengkaji dapat mengetahui tahap ketepuan data. Temu bual secara mendalam dijalankan berpandu kepada protokol soalan semi struktur yang disediakan pengkaji berdasarkan pembacaan pengkaji daripada kajian literatur seperti jurnal dan penerbitan buku. Contoh soalan temubual adalah:

(1).Dalam mengendalikan kuanseling keluarga apakah pendekatan/teori yang digunakan oleh tuan/puan?;(2).Bagaimana tuan/puan memilih pendekatan/teori untuk digunakan dalam kaunseling keluarga?;(3).Mengapa pendekatan ini digunakan dalam mengendalikan kaunseling keluarga

Bagi memastikan kesahan kaedah soalan temubual telah disahkan tiga pakar dalam bidang kaunseling keluarga dan pakar kualitatif.

Peserta kajian

Peserta kajian dalam kajian ini terdiri daripada 12 orang kaunselor yang berdaftar dengan Lembaga Kaunselor Malaysia. Empat peserta kajian adalah kaunselor di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan , 6 peserta

kajian dari Jabatan Kebajikan Masyarakat dan 2 orang kaunselor dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Peserta kajian yang telah dipilih secara persampelan rawak bertujuan mengikut kriteria yang telah ditetapkan iaitu mempunyai 3 tahun pengalaman bekerja dalam mengendalikan kaunseling keluarga (kes keluarga), mengendalikan lebih dari 50 puluh sesi yang melibatkan kes keluarga dalam setahun, mempunyai latihan sekurang-kurangnya di peringkat Ijazah Sarjana Muda dalam bidang kaunseling, berdaftar dengan Lembaga Kaunseling (mempunyai sijil amalan) dan sukarela. Kriteria 50 puluh sesi kaunseling adalah merujuk kepada jumlah masa pertemuan iaitu 100 jam setahun di mana jika kaunselor telah berkhidmat selama tiga tahun, ini bermakna pengamal telah menjalankan proses kaunseling keluarga selama 600 jam. Kaunselor yang telah menjalankan proses kaunseling selama 600 jam boleh dikategorikan sebagai kaunselor yang berpengalaman (Khodayarifard et al. 2007; White et al. 1997). Oleh itu dalam kajian ini kaunselor yang dipilih dikenali sebagai pengamal kaunseling keluarga.

Analisis Data

Proses analisis data dalam kajian ini adalah berdasarkan analisis tematik. Bagi memastikan pengesahan dan kebolehpercayaan data kajian, maka data yang telah ditranskripsi dalam bentuk verbatim dihantar semula kepada semua subjek kajian, disemak oleh rakan pengkaji dan penilai pakar dalam bidang kualitatif dan bidang kajian. Pembentukan tema dan sub tema adalah berasaskan pembacaan perpustakaan dan membaca transkripsi berulang kali dari satu baris ke satu baris. Pengkaji telah mengeluarkan tema melalui kata kunci yang terhasil daripada data dan mengeluarkan tema melalui keterangan ayat terhadap kata kunci tertentu. Pengkaji menggunakan perisian NVivo 11 sebagai alat untuk menguruskan data yang telah ditranskrip. Bagi memastikan tema-tema yang terhasil adalah tepat, pengkaji telah membaca berulang-ulang kali untuk memberi makna kepada ayat di dalam verbatim. Pengkaji juga berbincang dengan

rakan-rakan (*peer checking*) bagi mendapatkan maklum balas sekiranya berlaku kebuntuan atau kekaburan.

Dapatan Kajian.

Hasil daripada kajian menunjukkan pendekatan sistemik adalah pendekatan yang kerap digunakan oleh kaunselor yang mengendalikan kaunseling keluarga. Dapatan kajian menunjukkan sembilan pengamal kaunseling dari tiga pusat kaunseling di dalam kajian ini telah menggunakan pendekatan sistemik dengan empat pendekatan iaitu pendekatan Structural, Multigenerational, Strategic dan Brief.

Pendekatan Struktural

Pendekatan struktural adalah pendekatan proses kaunseling keluarga bersistem yang paling banyak digunakan oleh kaunselor keluarga di dalam kajian ini dan telah digunakan di semua pusat kaunseling (PK1, PK2 dan PK3). Seramai 5 orang kaunselor keluarga (KK1, KK3, KK4, KK9 dan KK11) menyatakan bahawa mereka menggunakan pendekatan ini untuk melihat bagaimana sub-sistem di dalam sistem induk memainkan peranan masing-masing dan juga kesannya apabila sub sistem gagal memainkan peranan masing-masing. Kepercayaan kaunselor keluarga bahawa pendekatan ini sesuai digunakan dalam amalan proses kaunseling kerana dapat menganalisis nilai, budaya dan tingkahlaku subsistem.

“bukan nak cari siapa silap tapi nak melihat sejauh mana sistem dan subsistem dalam, ok...auotoriun, demokrasi dan macam-macam lagi...tengok kepimpinan dari segi urus tadbir, lepas tu kadang kala biasalah kalau anak ni something kan atau problem biasanya ibu bapa pengaruh yang besar, dari segi didikan asuhan, dari segi komunikasi, dari segi interaksi, dari segi melayan, melayan ini penting kadang-kadang budak ni nak bercerita tetapi di tutup peluang...”

Kaunselor Keluarga 1 Pusat Kaunseling 1

Pendekatan struktural telah digunakan oleh kaunselor keluarga melihat keluarga sebagai satu sistem. Konsep pendekatan struktural yang selari dengan pendekatan sistem telah membantu kaunselor lebih mudah memahami setiap keluarga yang mempunyai struktur yang tersendiri, peranan yang berbeza, sempadan yang unik, kuasa, hierarki dan peraturan yang berlainan apabila mereka menerima kes keluarga. Pengalaman menggunakan pendekatan struktural dalam proses menilai dan menganalisis masalah melalui sistem keluarga telah dapat membantu kaunselor keluarga lebih memahami sistem yang sedia ada di dalam keluarga yang datang dengan pelbagai cerita .

“Kalau kita belajar teori apa itu ‘sistem’ & dalam sistem itu ada sub sistem, dalam sub sistem itu mungkin ada ‘boundary’, dan macam-macam dalam teori kaunseling macam-macam kita nampak. Maka, apabila disebut permasalahan yang datang mungkin dari mak, dari bapa, dari anak yang berkisar di situ sahaja. Di sini kita melihat bahawa sistem itu penting untuk difahami oleh setiap sub sistem, ‘bagaimana sistem itu dibentuk’...”

Kaunselor Keluarga 4 Pusat Kaunseling 1

Keluarga yang sejahtera adalah keluarga yang ada peraturan, struktur yang mantap (tersusun dan jelas) dan holistik pada pandangan kaunselor 9 dan 11. Kaunselor yang menggunakan pendekatan struktural ini mempunyai kefahaman dan kepercayaan yang sama dalam amalan mereka. Bagi mereka, jika keluarga tiada sistem dalam struktur keluarganya seperti tiada peraturan di dalam keluarga maka strukturnya tidak kukuh. Maka melalui pendekatan struktural, intervensi yang akan dijalankan adalah dengan memperbaiki struktur keluarga yang tidak sihat kepada struktur yang lebih baik.

“Memang tidak bersistem, tidak teratur. Dari segi peraturan hidup memang tidak ada. Ikut sukalah maksudnya. Bebas. Sebab kita hidup ni memang mesti ada peraturan. Macam

hidup sendirilah kita kata, kita sendiri pun kena letakkan peraturan-peraturan. Walaupun benda itu teruk sekalipun kita kata. Contohnya nak bangun pagi. Kita kata liatnya nak bangun. Eh tak bolehlah. Sebab kita nak kena bangun juga. Sebab nak pergi kerja. Lepas itu kalau bangun lewat, dengan anak lagi, nak pergi kerja lagi, mana nak bersiap. Sebab itu secara tidak langsung walaupun kita dah dewasa sekalipun, kita perlu kepada peraturan-peraturan. Walaupun orang tidak meletakkan peraturan sebab kita sudah dewasa dan sebagainya tetapi, kita tetap perlu meletakkan peraturan-peraturan pada diri kita sendiri. Apa lagi pada anak-anak kita yang belum matang lagi...”

Kaunselor Keluarga 9 Pusat Kaunseling 2

“Saya rasa kalau ada permasalahan dalam famili itu, mesti ada struktur-struktur dalam yang perlu diperbetulkan. Seolah-olah seperti *puzzle* kerana kadang-kadang bahagian hujung *puzzle* tak *suit* antara satu sama lain dan kena *porlish*, kadang-kadang sudah *suite* tetapi kena ada part ...”

Kaunselor Keluarga 11 Pusat Kaunseling 3

Pendekatan Pelbagaigenerasi

Pendekatan Pelbagaigenerasi digunakan oleh tiga orang kaunselor keluarga di Pusat Kaunseling 1 (PK4) dan Pusat Kaunseling 2 (PKK9 dan PKK10). Pendekatan ini digunakan apabila kaunselor keluarga melihat masalah yang berlaku akibat dari beberapa generasi yang lampau iaitu datuk nenek kepada ibu bapa yang akhirnya berulang lagi hingga ke anak cucu. Pengalaman kaunselor keluarga di dalam sesi kaunseling terdapat keluarga yang bermasalah apabila mewarisi sikap dan nilai yang telah sebatu dengan diri ahli keluarga tersebut sehingga membentuk budaya yang sukar untuk diubah. Walau bagaimanapun menurut KK9 terdapat juga generasi di dalam keluarga yang mempunyai kesedaran untuk berubah maka ahli akan melakukannya ke arah yang lebih baik. Oleh itu pengalaman kaunselor yang menggunakan pendekatan pelbagaigenerasi,

sekiranya kesedaran dapat ditimbulkan kepada ahli keluarga bahawa budaya yang negatif yang diwarisi dari generasi lepas dihentikan, maka kesejahteraan ahli keluarga dan keseluruhan secara sihat dan sejahtera.

“Dia jadi macam dari satu generasi ke satu generasi. Kadang-kadang bila sesi kaunseling kita tak boleh tengok dia punya masa lampau. Sebab saya fikir macam ni. Masa saya kecil-kecil dahulu, ikut pengalaman saya di samping saya buat sesi kaunseling, saya ada kawan-kawan satu sekolah, bukan yang rapat. Mak dan ayah dia ni lepas bebas je dia ni. Masa kecil-kecil kawan yang satu sekolah ni kawan dengan lelaki tu, keluar semua. Sekarang dia orang pun dah besar macam saya. Dia orang kahwin awal. Kadang-kadang tak habis SPM, dia orang dah kahwin dah. Kadang-kadang Tingkatan 4, Tingkatan 3, dia orang dah kahwin dah. Sekarang dia orang dah ada anak besar-besar, sama usia dengan anak saya ini. Anak-anak dia pun pakat lepas bebas macam tu juga. Itu kadang-kadang benda ni, dari satu generasi ke satu generasi sentiasa ada....Sebab dia macam dari satu generasi ke satu generasi. Kadang-kadang itu ada juga generasi yang hendak berubah, Alhamdulillah.. Terbuka hati nak berubah, kesedaran daripada diri dia sendiri. Aku tak nak lah anak aku jadi macam ni. Dulu ayah aku tiada pelajaran, agama pun tiada, tapi taknak lah anak aku jadi macam tu. Kalau jenis fesyen yang hanyut, dari mak dia pun buat macam tu kat dia, dia sendiri pun tak timbul kesedaran, anak dia, cucu-cucu cicit dia pun serupa sahaja kalau kita tengok....”

Kaunselor Keluarga 9 Pusat Kaunseling 2

Pendekatan Pelbagaigenerasi telah digunakan oleh kaunselor 10 dalam kes seorang gadis yang telah menjadi seorang yang liar, pemarah dan akhirnya terlibat dengan aktiviti seks bebas sehingga melahirkan anak di luar perkahwinan. Dalam proses kaunseling keluarga yang dijalankan, kaunselor 10 telah menggunakan pendekatan Pelbagaigenerasi untuk memahami situasi keluarga gadis yang amat kompleks iaitu

akibat dari nenek yang telah melahirkan anak di luar perkahwinan dan telah mengakibatkan anak yang dilahirkan tidak mempunyai surat beranak. Isu tidak mempunyai surat beranak telah menyebabkan ibu pada gadis ini tidak mempunyai kad pengenalan yang menyukarkan proses persekolahan dan isu ini telah menjadi masalah hingga ke generasi yang ke empat iaitu anak kepada gadis yang menjadi klien kepada kaunselor 10. Melalui pendekatan Pelbagaigenerasi kaunselor telah dapat membantu anak gadis ini membuat keputusan agar masalah yang sedang dihadapi oleh gadis ini dapat diatasi dan tidak lagi berlaku pada generasi yang ke empat.

“so, the latest issue.. girl H.. ni, she has a very complicated family..dia punya nenek married then, atuk dia tinggalkan dia ... dia ada satu anak perempuan, A...her mother, A.. a problem some reason, nenek dia tak buat IC untuk mak dia..jadi A tu semasa dia remaja memang dia marah dengan mak dia..dia sangat miskin..puan R pun..dia punya nenek sangat macam takut juga la kan..bila dia tak buat..dia takut kena denda..so dia tangguh, tangguh..A.. sudah jadi remaja yang marah pada mak dia sebab dia pergi sekolah tanpa IC, “the short form: she is very naughty girl” then, she was 17, she got pregnant la..without marriage, and delivered girl..the issue is..dia nak tutup benda ni, so they gave false information about surat beranak, bapa nama lain, IC nama lain..so, girl H.. disappeared, she went to Johor, she left home, left this baby to grandmother, but one good thing, she met someone, present husband who help her giving the IC finally, so..her relationship with her mother is very bad..so..girl H.. grow up then always think that her grandmother was her mother..dia tak tau sebenarnya itu nenek dia..jadi waktu dia nak buat IC dia bawak surat beranak palsu ke JPM, jd diorang kata, tak boleh buat..sebab palsu, the JPM officer was very nice, sepatutnya dia ambil you punya surat dia gunting..tapi dia tak gunting..so, this girl use the IC number in the slip permohonan..about exam la..bla..bla..she survive la kan..and she very angry, and there a

big violent you know..she show her temper..so, now..she was 19, "girl...: no, I'm 17 last year.." then, when she 17 she got pregnant..seem like happen to her mother..then she delivered her baby M, and then..so dia tak ada document..M pun lagi tak ada document..so, this girl..she want to make something,

Pengamal Kaunseling Keluarga 10 Pusat Kaunseling 2

Kaunselor 4 menggunakan pendekatan ini bagi melihat gaya kehidupan juga boleh diwarisi dari gaya kehidupan yang terdahulu, yang akhirnya membentuk satu sistem. Oleh itu beliau melihat pendekatan Pelbagaigenerasi boleh memberi kefahaman kepada beliau bagaimana sistem sesebuah keluarga itu terbentuk hasil dari gaya kehidupan, nilai dan cara didikan.

"Maka persoalan penyesuaian juga ada kaitan dengan gaya pendidikan, budaya hidup... tetapi disebabkan budaya itu ada maka akan mencerminkan bagaimana rentak kehidupan dibawa hasil daripada pengalaman hidup bersama ibu bapa masing-masing..., yang diterjemahkan pula ke pendidikannya itu gaya hidupnya, caranya, sistemnya kepada anak-anak mereka. Akhirnya, membawa kepada satu sistem yang juga akan melibatkan ahli-ahli di dalamnya..."

Kaunselor keluarga 4 Pusat Kaunseling 1

Pendekatan Strategik

Dalam kajian ini pendekatan Strategik telah digunakan oleh tiga kaunselor keluarga. Ketiga-tiga kaunselor (KK1, KK6 dan KK11) telah mengakui bahawa mereka memilih pendekatan ini apabila isu yang dibawa oleh keluarga berkaitan dengan masalah komunikasi yang mengganggu kefungsi keluarga. Oleh itu dengan menggunakan pendekatan ini permasalahan komunikasi dapat dizahirkan melalui tingkahlaku dapat dikenalpasti dalam keluarga terutama yang telah menjejaskan hubungan ahli keluarga. Teknik penggunaan tali

yang dapat memberi gambaran kepada semua ahli keluarga berkaitan dengan komunikasi telah menyebabkan mereka berada dalam tekanan.

"Kalau kita tengok model Satir, sebab biasanya mereka tidak nampak kalau kita bercakap. Kita akan buat demonstrasi dan kita akan ikut Satir. Kita bagi setiap orang pegang hujung setiap tali Satir dan kita cakap sebagai ibu kita sangat stress dengan kerja rumah dan kita tengok siapa paling bergoyang? Dari situ, kita tengok yang ibunya bergoyang, kita dapat tengok anaknya bergoyang dan husband pun sekali. So, bukan setakat ibu sahaja stress dan dari situ dia akan nampak. Selain itu, kita tengok dari segi komunikasi sebagai contoh, wife ini jadi anak dan anak ini jadi ibu.....Saya suka guna model Satir sebab kita boleh nampak, kita pegang dengan tali yang dibuat dengan kain. Bila kita pegang hujung akan bergoyang dan kalau ada seorang yang stress, yang lain akan terasa...."

Kaunselor keluarga 11 Pusat Kaunseling 3

Pendekatan Brief

Pendekatan Brief ini hanya digunakan oleh dua orang kaunselor iaitu kaunselor 11 dan 12 di Pusat Kaunseling 3 sahaja. Kedua-dua pengamal ini memilih pendekatan ini kerana akan memudahkan mereka memberi fokus kepada permasalahan klien dan proses kaunseling yang dijalankan tidak mengambil masa yang panjang. Pemilihan pendekatan Brief juga selesai kepada klien yang hanya memerlukan pengesahan maklumat yang diperlukan dalam menangani dan menyelesaikan konflik di dalam keluarga.

"Ada juga yang apabila kita nak cepat - solution oriented. Kita akan tanya, "Apa yang diharapkan selepas ini? " kerana klien cakap macam-macam tetapi bila last sekali... Kita tak fokus pada emosi kerana ini adalah short term tetapi kalau klien ramai kena brief @ solution oriented sebab mereka ramai dan tak nak tunggu lama dan nak jimat masa, tak nak bercerita tentang perasaan atau hati dan sebagainya, just nak tahu prosedur macam

mana...”

*Pengamal Kaunseling Keluarga 11 Pusat
Kaunseling 3*

*“Saya rasa saya guna brief..sebab saya nak
fokus...”*

*Pengamal Kaunseling Keluarga 12 Pusat
Kaunseling 3*

Perbincangan

Penggunaan pendekatan sistemik (Struktural Minuchin, Strategik, Multipelbagaigenarasi dan Brief) dalam kalangan kaunselor dalam proses kaunseling keluarga telah menunjukkan pendekatan ini dapat membantu keluarga keluar dari kemelut permasalahan keluarga dan kembali berfungsi dengan baik. Isu dan permasalahan keluarga yang berkait rapat dengan struktur keluarga yang tiada sistem, komunikasi yang tidak jelas, interaksi yang mengganggu kefungsi keluarga, permasalahan keluarga yang diwarisi turun temurun dan berkonflik keluarga yang berterusan telah mendorong kaunselor menggunakan pendekatan sistemik. Penggunaan pendekatan ini berkemungkinan serasi dengan agama, budaya dan nilai masyarakat Asia iaitu mementingkan kedudukan hirarki dan kekuasaan eksekutif dalam keluarga (Kim, 1985; Pinyunchon dan Gray, 1997; Saedah, 2004).

Kaunselor di MAINS (PK1) dan LPPKN (PK3) pula menunjukkan penggunaan pendekatan sistemik (brief, struktural, dan strategik) merupakan pendekatan yang paling kerap digunakan di dalam proses kaunseling keluarga. Antara tiga pendekatan ini pendekatan sistemik Brief paling digemari oleh kaunselor keluarga kerana ianya cepat dan memberi fokus kepada permasalahan dalam keluarga. Malah pendekatan sistemik brief tidak mengambil masa yang lama dan dapat membantu pelbagai jenis masalah kanak-kanak sehinggalah orang dewasa dalam proses kaunseling keluarga (Carr, 2009a; 2009b; Chen et. al, 2017). Oleh yang demikian

masalah keluarga yang saling berkait dari isu anak kepada isu ibubapa dan kekangan masa kaunselor dalam menjalankan proses kaunseling keluarga telah mendorong pendekatan brief sistemik lebih selesa digunakan oleh kaunselor.

Pendekatan struktural turut menjadi pilihan kepada kaunselor yang mengendalikan kaunseling keluarga dalam kajian ini selari dengan kes keluarga yang berpunca daripada struktur keluarga yang berserabut, terlalu rigid dan tidak berfungsi. Isu bapa yang merupakan ketua keluarga tidak dapat memainkan peranan dengan baik seperti mana yang sepatutnya dituntut oleh budaya dan agama telah menyebabkan anak-anak bermasalah dari tingkahlaku (Saedah, 2004). Malah pendekatan ini adalah pendekatan yang sentiasa relevan dengan budaya dan pelbagai isu permasalahan yang dibawa oleh keluarga dalam era abad ke 21 yang masih berkisar kepada permasalahan tanggungjawab bapa dalam keluarga (McAdams III et. al, 2016).

Selain dari itu pemilihan pendekatan yang berbeza dalam kalangan pengamal juga merujuk kepada jenis kes yang dikendalikan, latihan dan pendidikan yang diterima oleh kaunselor dan yang hadir sebagai klien (Lyoyd & Dallos, 2008). Akibatnya terdapat juga kaunselor yang tidak dapat menjelaskan nama pendekatan sistemik yang mereka telah gunakan walaupun sebenarnya mereka menggunakan pendekatan sistemik seperti pelbagaigenerasi, strategik, struktural dan brief terapi secara integrasi. Sepatutnya sebagai kaunselor mereka perlu mengetahui nama-nama pendekatan seperti yang dicontohi dalam kajian Coco dan Courtney (1998), David (2001), Kim (1985) dan Santisteban et al. (1997) yang mengabungkan beberapa pendekatan sistemik, iaitu pendekatan struktural dan strategik. Pengabungkan pendekatan dalam terapi sistemik boleh berlaku dengan berbagai cara, seperti pendekatan brief dengan strategik (Robbins & Szapocznik 2000) dan pendekatan strategik dengan ‘*Problem-Focused*’ (Dammann & Jurkovic t.th).

Dapatan tentang penggunaan teori ini menarik dibincangkan. Walaupun ia menggambarkan penguasaan pendekatan atau teori di kalangan kaunselor di Malaysia, ianya masih belum mencapai tahap yang sepatutnya. Namun demikian, bukanlah berarti pencapaian ini berada pada tahap yang rendah. Oleh itu penggunaan pendekatan intergrasi dalam kalangan pengamal menunjukkan inisiatif pengamal bagi menggunakan teori-teori kaunseling yang boleh membantu mereka dalam proses kaunseling keluarga. Kaunselor yang mempunyai minat yang mendalam dalam bidang kaunseling keluarga boleh mengikuti latihan kemahiran mengendalikan keluarga secara asas dan perlahan-lahan meningkatkan kemahiran kepada penggunaan pendekatan secara klinikal.

Kesimpulan

Proses kaunseling merupakan salah satu aktiviti perkhidmatan intervensi yang amat diperlukan oleh keluarga di Malaysia dalam menghadapi cabaran membina, menjaga dan mengukuhkan kefungsi keluarga agar sejahtera. Lantaran itu penggunaan pendekatan atau teori di dalam proses kaunseling keluarga sewajarnya dipandang serius oleh kaunselor keluarga. Penguasaan dan kompetensi di dalam pendekatan sistemik oleh kaunselor di dalam proses kaunseling keluarga berada di tahap yang tinggi. Pendekatan sistemik yang telah terbukti di dalam kajian kaunseling keluarga di pelbagai negara jelas menunjukkan bahawa berkesan dan dapat memberi impak kepada keluarga yang menerimanya. Maka impak perkhidmatan ini pula dapat diukur apabila pendekatan teori yang digunakan dalam amalan proses kaunseling keluarga yang diberikan kepada keluarga itu jelas dan jitu. Apabila kaunselor sentiasa dapat menepati kehendak keluarga, keperluan keluarga dan memecahkan benteng-benteng halangan dari keluarga maka keluarga dapat berfungsi dalam merealisasikan hasrat kerajaan melahirkan keluarga yang kukuh serta sejahtera. Oleh itu sewajarnya penggunaan pendekatan sistemik di dalam

proses kaunseling keluarga yang dikendalikan oleh kaunselor mampu meningkatkan kualiti profesionalisme pengamal kaunseling keluarga, pengamalan yang dilaksanakan benar-benar dapat merungkai segala masalah atau kekusutan yang menyelubungi dan memecahkan segala benteng-benteng kebuntuan yang menghalang keluarga menjalani kehidupan dengan penuh kesejahteraan. Malah tidak dapat dinafikan pendekatan teori sistemik di dalam proses kaunseling keluarga secara lebih tepat dapat membantu keluarga yang menghadapi masalah merangkumi dari kanak-kanak sehinggalah orang dewasa. Sekiranya pendekatan sistemik digunakan di dalam proses kaunseling di Malaysia maka semakin banyak keluarga yang sejahtera dapat dihasilkan dalam masyarakat dan negara Malaysia.

Rujukan

- Al, M., & Cathleen, K. K. (2002). "Four Phases of Adlerian Counseling : Family Resilience in action. *The Journal of Individual Psychology*, 58(3): 225-234.
- Amy, L., & Betty, B.L. (1999). "Establing a Family Goal". *The Journal of Individual Psychology*, 55(1): 155-158.
- Bitter, J. R., & Byrd, R. J. (2016). "Adlerian Family Therapy". In *The SAGE Encyclopedia of Marriage, Family, and Couples Counseling* 1st Edition, 1, 14-20.
- Carr, A. (2009a). "The Effectiveness of Family Therapy and Systemic Interventions for Child-Focused Problems". *Journal of Family Therapy*, 31: 3- 45.
- Carr, A. (2009b). "The Effectiveness of Family Therapy and Systemic Interventions for Adult-Focused Problems". *Journal of Family Therapy*, 31: 46-74.
- Carson, J., Sperry, L., Lewis, A. J. (2005). *Family Therapy Technique-Intergrating and*

- Tailoring Treatment*. New York: Routledge Taylor & Francis Group.
- Cettrell, D. & Boston, P. (2002). "Practitioner Review: The Effectiveness of Systemic Family Therapy for Children and Adolescents". *Journal of Child Psychology and Psychiatry*, 43(5): 573-586.
- Chen R., Hughes A. C., & Austin J. P. (2017). "The Use of Theory in Family Therapy Research: Content Analysis and Update". *Journal of Marital and Family Therapy*, 43(3): 514-525.
- Coco, E.L. & Courtney, L.J. (1998). "A Family Systems Approach for Preventing Adolescent Runaway Behavior". *Adolescence* Vol. 33, Issue 130.
- Creswell, J. W. (2002). *Educational Research: Planning, Conducting, and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (2nd ed.). New Jersey: Person Merrill Prentice Hall.
- David, S. A. (1991). "Use of Videotaped Initial Family Interview in Training Beginning Family Therapists". *Counselor Education & Supervision*, 33(3): 201-209.
- Etgar T. & Shulstain-Elrom H. (2009). "A Combined Therapy Model (Individual and Family) for Children With Sexual Behavior Problems." *International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology*, Volume 53 Number 5: 574-595
- Fenell, L. D., & Weinhold. K. B. (2003). *Counseling Families: An Introduction to Marriage and Family Therapy* (2nd ed.). Denver: Love Publishing Company.
- Gladding S.T. (2014). *Family Therapy: History, Theory and Practice* (6th ed). Person New International.
- George, S., & Barbara, P. (1986). "The Use of Strategic Family Therapy on The School Setting: A Case Study." *Journal of Counseling and Development*, 65: 200-204.
- Goldendberg & Goldenberg. (2012). *Family Therapy: An Overview* (8th ed.). Pacific Grove: Brook/Cole Publishing Company.
- Goldendberg & Goldenberg. (2002). *Counseling Today's Families* (4th ed.). Australia: Brooks/Cole Thomson Learning.
- Halstead W.R. etl. (2002). "Counselors' Conceptualization of Caring in the Counseling Relationship." *Counseling and Value*, Volume 47.
- Hanna . M.S. (2007). *The Practice of Family Therapy: Key Elements Across Model* (4th ed.). Australia: Thomson Book/Cole.
- James, F. L. (1979). "Family Theory and Therapy." *American Psychologist*, 34(19): 988-992.
- Kaplan, D.N. (2003). *Family Counseling for All Counselors*. Eric Clearinghouses on Counseling and Student Services.
- Keith, D. M. (2001). "Structural-Strategic Family Counseling: A Case Study in Elementary School Counseling." *Professional School Counseling*, 4(3): 180-186.
- Khodayarifard, M. et al. (2007). "Psychotherapy in Iran: A Case Study of Cognitive Behavioral Family Therapy for Mrs. A." *Journal of Clinical Psychology in Session* 63(8): 745-753
- Kim S.C. (1985). "Family Therapy For Asian Americans: A Strategic Structural Framework." *Psychotherapy*. Vol. 22, No. 2.
- Lily Mastura Harun & Ramlah Hamzah. (2006). *Asas Kaunseling Keluarga*. Pusat Penerbitan Universiti Teknologi MARA.

- Lee, J. N., Jonathan, S. G., & Richard, M. B. (1999). "Research Practices of Marriage and Family Therapist." *The American Journal of Family Therapy*, 27: 239-249.
- Lloyd, H. & Dallos, R. (2008). "First Session Solution-Focused Brief Therapy With Families Who Have a Child With Severe Intellectual Disabilities: Mothers' Experiences and Views." *The Association for Family Therapy. Journal of Family Therapy*, 30: 5-28
- May, K. M. (2003). "Family Therapy Theory: What is Important in the Training of Today's Family Counselors." *The Family Journal: Counseling and Therapy for Couples and Families*, Vol. 11, No. 1: 42-44
- Michael, N. S. (1988). "Marathon Family Counseling." *Individual Psychology*, 44(2): 210-216.
- Michael, S. J. (1995). "Assessment and Diagnosis in Marriage and Family Counseling." *Journal of Counseling & Development*, 74, 60-64.
- Nichols, P. M. & Schwartz, C. R. (2006). *Family Therapy: Concepts and Methods*. Boston: Perason Education Inc.
- Odell, M. & Quinn, W. H. (1998). "Therapist and Client Behaviors in the First Interview: Effects on Session Impact and Treatment Duration." *Journal of Marital & Family Therapy*, Vol. 24 Issue 3: 369-388.
- Patterson, J. et al. 2009. *Essential Skills in Family Therapy*. The Gulford Press.
- Pinyuchon, M. & Gray, L.A. (1997). "Understanding Thai Families: A Cultural Context for Therapists Using A Structural Approach." *Contemporary Family Therapy*, 19(2): 209-228.
- Saedah A. Ghani. (2004). *Kesan Kaunseling ke Atas Penyesuaian Kohesi, Persekitaran, Tingkah Laku Bermasalah dan Konsep Kendiri Remaja Awal*. Tesis PhD. Tidak diterbitkan. Fakulti Sains Sosial & Kemanusiaan .UKM.
- Santisteban D. A. et al. (1997). "Brief Structural/Strategic Family Therapy With African American And Hispanic High-Risk Youth." *Journal of Community Psychology*, Vol. 25, No. 5: 453-471
- Stein J.S., Mozdierz B.A & Mozdiers J.G. (1998). "The Kindship of Adlerian Family Counseling and Minuchin's Structural Family Therapy." *The Journal of Individual Psychology*, vol. 54, no 1.

